Praktis PT3 Bahagian A

Lengkapkan ayat-ayat yang berikut dengan memilih jawapan yang **paling sesuai**.

1. Perlawanan bola sepak itu akan tamat pada _____ masa sahaja.
   A apa-apa C mana-mana
   B bila-bila D siapa-siapa

2. _____ tujuan program khidmat bakti ini diadakan oleh pihak penganjur?
   A Apakah C Bagaimanakah
   B Di manakah D Mengapakah

3. Encik Muthu akan ke India, esok. Dia akan berada di _____ selama lima hari.
   A situ C sana
   B sini D mana

4. "Ambillah _____ baju yang kamu suka," kata ibu kepada anak yatim itu.
   A apa-apa C mana-mana
   B sesiapa D mana

5. "_____ yang belum berdaftar, sila ke kaunter dulu sebelum masuk ke dewan," kata Cikgu Halim.
   A Siapa C Mana-mana
   B Mana D Siapa-siapa

6. Adakah _____ yang ingin menyertai motivasi ini?
   A siapa C mana-mana
   B sesiapa D apa-apa

Praktis PT3 Bahagian B

Dalam setiap ayat di bawah ini terdapat **kesalahan bahasa**. *Kenal pasti kesalahan tersebut dan* **tulis jawapan** *yang betul pada ruang jawapan yang disediakan. Anda tidak perlu menyalin ayat itu semula.*

1. "Shima, mari ke situ," jerit Azlina sambil melambai-lambaikan tangannya ke arah Shima.

   _____

2. "Sudahkah kamu mengambil borang itu?" tanya Cikgu Salamah sambil menghulurkan sekeping kertas kepada muridnya.

   _____

3. "Tiada apa yang boleh kita lakukan kerana nasi sudah menjadi bubur," kata Pak Cik Baharum kepda anaknya.

   _____

4. "Ayah hendak mengambil datuk dan nenek di kampung. Mereka akan tinggal di situ selama beberapa bulan," kata Encik Faris kepada anak-anaknya.

   _____

5. Bila-bila barang yang tidak digunakan lagi hendaklah dibuang supaya rumah kelihatan kemas dan bersih.

   _____

6. "Barangkali ada orang yang memindahkan beg itu dari situ," kata Mira sambil mengambil beg tangannya.

   _____

© Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

LIVEWORKSHEETS